

**COVID-19: Kes jangkitan SARI menurun - Dr Noor Hisham
Astro Awani
12 Mei 2020
Hasimi Muhamad,**

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan kes positif COVID-19 dalam kalangan pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di negara ini menunjukkan penurunan.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, setakat minggu epidemiologi (epid) ke-18, sebanyak 9,010 sampel telah diambil melibatkan pesakit kes Influenza (ILI) dan jangkitan SARI.

Daripada keseluruhan jumlah tersebut, sebanyak 81 sampel disahkan positif COVID-19.

“Bagi pesakit ILI, 14 kes positif COVID-19 dikesan daripada 1,594 sampel (0.94 peratus), manakala pesakit SARI, sebanyak 67 kes positif COVID-19 dikesan daripada 7,416 sampel (0.9 peratus).

“Secara keseluruhannya terdapat penurunan kes positif COVID-19 yang dikesan dalam kalangan pesakit SARI.

“Jika dibandingkan, pada minggu epid ke-13, kadar positif adalah sebanyak 8.7 peratus iaitu 25 kes dikesan daripada 288 sampel SARI, manakala, pada minggu epid ke-18 pula, kadar positif adalah 0.13 peratus iaitu satu kes dikesan daripada 772 sampel SARI,” katanya dalam sidang media harian, di sini pada Selasa.

Justeru, beliau berkata KKM akan terus mempergiatkan aktiviti surveilan (pengawasan) meskipun terdapat penurunan kes COVID-19 dalam kalangan kumpulan pesakit berkenaan.

"Meskipun begitu, kadar positif yang dikesan melalui aktiviti surveilan adalah menurun dan kekal rendah buat masa ini.

"Walau bagaimanapun, pihak KKM menyeru supaya masyarakat tidak leka dengan trend penurunan ini," ujarnya lagi.

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-kes-jangkitan-sari-menurun-dr-noor-hisham-242713>